

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-9**  
**Kuliah Maghrib kali ke-93**

**CARA MENGATUR URUSAN DUNIA**

Urusan duniawi tidak akan teratur, selain dengan amal perbuatan manusia. Apakah amalan manusia yang membuatkan dunia ini teratur?

1. PERKARA POKOK (Pekerjaan asas) – bertani, menenun kain, membina tempat tinggal dan politik.
2. PELAYAN KEPADA PERKARA POKOK (Pekerjaan yang melancarkan pekerjaan asas) – buat alatan untuk pertanian, membuat benang untuk membuat kain.
3. PENYEMPURNA/ PENGHIASNYA (Pekerjaan memproses hasil) – menumbuk tepung, buat roti, gunting kain.

Sebagaimana bumi, begitu juga manusia. Pada manusia mesti ada 3 perkara di atas.

1. PERKARA POKOK – Hati, jantung, otak.
2. PELAYAN – perut, urat, urat saraf, pembuluh darah.
3. PENGHIAS/PENYEMPURNA – Kuku, anak jari, bulu kening.

Manakah yang paling mulia?

Tentulah PERKARA POKOKNYA.

Kami sesungguhnya mengatakan, bahawa mengajar ini adalah lebih utama, dibandingkan dengan pekerjaan dan usaha lain. Ms 77

**Mengapa pekerjaan mengajar agama itu pekerjaan paling mulia?**

Makhluk yang paling mulia di bumi ialah manusia. Makhluk yang paling mulia pada diri manusia ialah hatinya. Jadi, hati manusia ialah yang paling mulia daripada yang paling mulia.

Guru agama melakukan kerja yang paling mulia kerana mereka menguruskan hati manusia (iaitu perkara yang paling mulia daripada yang paling mulia tadi). Guru agama bekerja menyempurnakan, membersihkan, mensucikan dan membawa hati itu mendekati Allah SWT.

Manusia ialah khalifah Allah di dunia.

Tugas khalifah Allah yang paling mulia ialah menguruskan hati manusia, iaitu sebagai guru agama.

**HIKMAH AL-GHAZALI 9**

*“Maka manakah pangkat yang lebih mulia daripada menjadi perantara antara Tuhan dan makhluk-Nya untuk mendekatkan kepada-Nya dan membawa mereka ke syurga tempat kediaman?”*

**ILMU YANG MENJADI FARDHU 'AIN?**

**Apa itu fardhu 'ain?**

Perkara2 yang mesti dilakukan oleh setiap manusia.

### **Apa itu fardhu kifayah?**

Perkara-perkara yang mesti dilakukan oleh umat Islam tetapi bukan semua orang mesti melakukannya. Cukup jika ada sebahagian orang melakukannya.

Jika ada sebahagian orang melakukannya, maka semua orang terlepas daripada berdosa. Jika tidak ada sebahagian orang melakukannya, maka semua orang lain berdosa.

### **Apakah ilmu yang menjadi fardhu a'in?**

Ada lebih daripada 20 golongan yang mempunyai pandangan tersendiri.

Ilmu kalam – kerana dapat mengetahui keEsaan Tuhan, zat dan SifatNya.

Ilmu fiqh – kerana dapat mengetahui cara beribadah dan halal haram.

Ilmu tentang Kitab dan as-Sunnah, iaitu ilmu tafsir dan ilmu hadith – kerana dengan perantaraan ekdua-duanya barulah dapat diketahui ilmu-ilmu lain.

Ilmu tasawuf –

Menurut Abu Talib al-Makki – ilmu tentang Rukun Islamlah yang fardhu 'ain.

Mempelajari dan memahami Dua Kalimah Syahadah menjadi fardhu 'ain kepada:

- Orang yang baligh.
- Orang yang baru memeluk agama Islam.

Jika orang tadi masih hidup hingga menjelang amsuk waktu solat, dia wajib belajar tentang bersuci dan solat.

Sampai bulan Ramadhan, wajib pula untuknya belajar tentang puasa.

Jika dia orang yang layak mengeluarkan zakat dan cukup haul, dia wajib belajar tentang zakat.

Apabila tiba bulan Haji, dia tidak diwajibkan segera belajar tentang ibadah haji kerana ibadah haji punya masa yang panjang lagi.

### **Menurut Kitab Kasyful Asrar**

(Soal) Dan mana ilmu fardhu 'ain menuntut dia, beri kami jawabnya.

(Jawab) Bermula ilmu yang fardhu 'ain menuntut dia itu iaitu 3 ilmu. Pertama ilmu usuluddin dan kedua ilmu fiqh dan yang ketiga ilmu tasawuf.